



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SAMAD BIN MAN
TOKOH ADIGURU WAU**

OLEH:

WAN EDZZUDDIN NAJMI BIN ABDULLAH (2020389205)
AMRATUL AZIZAH BINTI HAYAZELEE (2019449994)

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05
(OGOS 2021 – FEBRUARI 2022)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SAMAD BIN MAN
TOKOH ADIGURU WAU

OLEH:

WAN EDZZUDDIN NAJMI BIN ABDULLAH (2020389205)
AMRATUL AZIZAH BINTI HAYAZELEE (2019449994)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05
(OGOS 2021 – FEBRUARI 2022)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugasan bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugasan ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temubual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah Chik kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Samad Bin Man kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi perjalanan beliau semasa bergelar penggiat seni ukiran Wau sehingga berjaya dinobatkan sebagai Tokoh Adiguru Wau Perlis. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat di luar sana.

Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugasan ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugasan ini.

Akhirnya, kami sekali lagi ngin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini. Seseungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstak: Transkrip temubual ini dilakukan oleh pelajar UiTM Cawangan Kelantan iaitu Wan Edzzuddin Najmi Bin Abdullah dan Amratul Azizah Binti Hayazelee bersama Tokoh Adiguru Wau, iaitu Tuan Samad Bin Man. Tujuan transkrip ini adalah untuk mengetahui tentang sejarah diri beliau, juga anugerah dan sumbangan beliau selama berkhidmat sebagai seorang pengukir kayu. Temubual ini telah dijalankan di Kangar, Perlis. Tarikh temubual tersebut adalah pada 31 Januari 2022 bermula pada jam 8.45 pagi hingga 1 Februari 2022 pada jam 9.45 pagi. Tuan Samad Bin Man berpengalaman selama 30 tahun sebagai tukang pembuatan wau bertempat di Kangar, Perlis. Pencapaian yang paling membanggakan beliau apabila menyandang anugerah Tokoh Adiguru Wau atas sumbangannya dalam penyertaannya dan penglibatannya dalam pertandingan menerbangkan wau di beberapa buah Negara. Sejarah kehidupan dan pencapaian beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi muda dalam pembuatan wau.

Kata kunci: Samad Bin Man, Tokoh Adiguru Wau

Abstract: The transcript of this interview was done by UiTM Kelantan Branch students, namely Wan Edzzuddin Najmi Bin Abdullah and Amratul Azizah Binti Hayazelee together with Tokoh Adiguru Wau, namely Tuan Samad Bin Man. The purpose of this transcript is to learn about his personal history, as well as his awards and contributions during his service as a wood carver. This interview was conducted in Kangar, Perlis. The date of the interview is on 31 January 2022 starting at 8.45 am to 1 February 2022 at 9.45 am. Tuan Samad Bin Man has 30 years of experience as a kite maker based in Kangar, Perlis. His proudest achievement was when he received the Tokoh Adiguru Wau award for his contribution in his participation and involvement in kite flying competitions in several countries. His life history and achievements can be a source of inspiration to everyone, especially to the younger generation in kite making.

Keywords: Samad Bin Man, Adiguru Wau Figure

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---------------------|-----------------------|
| Penghargaan..... | 1 |
| Abstrak..... | 2 |
| Isi Kandungan..... | 5 |
| Biodata Tokoh..... | 7 |
| Pengenalan..... | 9 |
| Transkrip..... | 11 |
| Lampiran | |
| Diari Kajian..... | 29 |
| Senarai soalan..... | 31 |
| Gambar..... | 37 |

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Samad Bin Man (Paknon)

Umur : 1

Tarikh Lahir : Wau

Adiguru Kraf : Tahun 2018

Lantikan Adiguru Kraf :

PENGENALAN

PENGENALAN

IMR604 (Oral Documentation) ialah bidang pengajian yang melibatkan pengumpulan, pemeliharaan dan pentafsiran peristiwa sejarah yang telah berlaku melalui kaedah lisan (temu bual dan wawancara). Hasil temu bual bersama tokoh – tokoh akan disimpan sebagai rujukan ilmiah kepada generasi masa hadapan. Tokoh – tokoh yang terpilih untuk temu bual subjek ini terdiri daripada mereka yang telah menyumbang kepada perkembangan sejarah di Malaysia melalui pencapaian dalam bidang tertentu mengikut kepakaran mereka (contoh: perang, seni dan lain - lain).

Bidang kesenian dapat ditafsirkan sebagai satu konsep disiplin atau produksi manusia untuk tujuan estetik dan simbolik berdasarkan kriteria, peraturan dan teknik tertentu. Konsep kesenian telah wujud di tanah melayu berabad lama, bahkan sebelum zaman penjajahan. Oleh itu, seni dapat dipecahkan kepada beberapa kumpulan mengikut jenis, salah satunya adalah seni pembuatan wau yang sudah semakin dilupakan oleh penduduk tempatan. Seni pembuatan wau juga telah melahirkan beberapa tokoh pembuat wau yang masih lagi bergiat aktif dalam memelihara pencapaian bersejarah yang telah dicapai hasil penglibatan yang begitu lama.

Pemeliharaan sejarah tempat dan tokoh yang telah direalisasikan melalui temu bual tokoh terpilih sebelum rakaman wawancara tersebut disimpan dalam rekod digital untuk penyelidikan generasi akan datang dengan harapan maklumat terkandung dapat membantu anak-anak muda dalam mempelajari peristiwa bersejarah pada masa lampau. Hasil transkrip temu bual juga bakal digunakan sebagai rujukan kepada bidang penyelidikan dan kajian pelajar seterusnya.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Berikut adalah sesi temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh seni. Bersama dengan kami ialah Saman bin Mat atau lebih dikenali sebagai Paknon, tokoh seni wau dari negeri Perlis. Rakaman ini dijalankan pada 31 Januari 2022 di Pusat Kraftangan Malaysia cawangan Perlis. Sesi temu bual ini dikendalikan oleh Amratul Azizah binti Hayazelee dan Wan Edzzuddin Najmi.

| Petunjuk | |
|----------|----------------------------|
| TT | Tokoh Adiguru Wau (Paknon) |
| AA | Penemu Ramah (Amratul) |

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

- AA : Bersama saya adalah tuan Samad Bin Man atau lebih dikenali sebagai Paknon. Beliau merupakan tokoh seni Wau tradisional yang berasal daripada Perlis. Assalamualaikum Paknon
- TT : Waalaikumsalam ___ bicara santai bicara
- AA : Paknon sihat paknon?
- TT : Sihat! Alhamdulillah terlalu sihat
- AA : Saya tanyakan beberapa soalan kepada Paknon. Tentang latar belakang Paknon ... boleh Paknon perkenalkan sekali lagi nama paknon?
- TT : Boleh [ambil menganggukkan kepala] Nama Paknon yang nama penuh Paknon, Samad Bin Man. Tapi Samad Bin Man ni [ini] orang tak [tidak] berapa kenai [kenal] sangat, sat [sekejap] lagi- boleh kata __ kenai [kenal] Paknon
- AA : Umur Paknon pada tahun ini berapa?

- TT : Tahun ni dah [sudah]... tujuh puluh enam [76]. Tujuh puluh enam [76] baru bulat sebulan baru
- AA : Sihat lagi paknon
- TT : Setakat ni [ini] sihat la. In Shaa Allah boleh __
- AA : Kalau Paknon tujuh puluh enam [76] tahun, Paknon lahir tahun bila? [bila]
- TT : Tahu empat puluh enam [1946]. Lapan belas [18] bulan lima [5] tahun empat puluh enam [1946].
- AA : Empat puluh enam [1946] wow! Sebelum merdeka lagi. Paknon lahir dan dibesarkan dimana?
- TT : Di kampung, kampung tok ___ sekarang sampai sekarang
- AA : Tak [tidak] pindahlah? [sambil gelak kecil]
- TT : Tak [tidak] pindah lagi [sambil gelak kecil]
- AA : Siapa ibu dan ayah Paknon?
- TT : Ibu- Nama betui [betul] ___. Ayah nama Man Bin Mat. Dia semua dah meningge [meninggal] semua dah. Ayah pon takdok [tiada] makpon takdok [tiada]. Anak yatim paknon ni [sambil tersenyum dan ketawa kecil]
- AA : Paknon ingat lagi tak [tidak] pekerjaan mak ayah Paknon?
- TT : Ayah dulu polis. Mak tu [itu] suri rumah tangga
- AA : Macam mana dengan adik beradik Paknon? Diorang [Mereka] ada lagi?
- TT : Ada-ada ramai
- AA : Kalau Paknon ramai adik beradik? Paknon anak ke berapa?
- TT : Anak yang pertama
- AA : Paknon anak sulung la
- TT : Betui [betul]
- AA : Boleh ceritakan sikit [sedikit] pasal adik beradik Paknon?

- TT : Adik beradik semua takdok [tiada] _ __. Semua kejor [kerja] lain takdok [tiada] yang minat seni. Paknon sorang yang berminat dengan seni.
- AA : Sekarang ni [ini] adik beradik paknon ada lagika [lagikah]?
- TT : Adik beradik paknon ada lagi. Tapi yang meningai [meninggal] pon ada. Yang meningai [meninggal] ada dua orang yang meningai [meninggal]
- AA : Kalau macam hubungan Paknon dengan adik beradik paknon Paknon?
- TT : Paknon memang berhubung biasa sampai ke la la [sampai sekarang]. Tak [tidak] pernah kata- gadoh [gaduh] ke tak [tidak] pernah. Selalu berhubung la.
- AA : Paknon memang rapat?
- TT : Memang rapat.
- AA : Maksudnya dengan mak ayah paknon pon rapat jugakla? [juga]
- TT : Memang rapat
- AA : Paknon dah [sudah] berkahwinkan? siapa nama isteri Paknon?
- TT : Isteri paknon bernama Harijah Binti Ismail
- AA : Hasil perkahwinan paknon dengan isteri paknon, ada berapa orang anak?
- TT : Lima [5] orang
- AA : Anak paknon dah [sudah] berkahwin ke?
- TT : Semua dah [sudah]
- AA : Cucu ada berapa orang?
- TT : Cucu ada lapan [8] dah [sudah] sekarang ni [ini]

BAHAGIAN B : ZAMAN KANAK-KANAK

- AA : Ni [ini] kita akan tanya pada zaman kanak-kanak paknon. Boleh tak [tidak] paknon cerita sikit tentang sejarah kehidupan paknon zaman dulu [dahulu]?
- TT : Paknon dulu, ayah paknon kerja, selalu kesana kesini. Paknon ___, ___. Paknon tinggai [tinggal] kat [dekat] kampung. Zaman paknon dulu bukan ada ramai macam la [sekarang] ni [ini], motor pon takdok [tiada]. Basikal pon direk [basikal tua]. Orang Perlis panggil direk [Baikal tua].
- AA : Beca?
- TT : Eh dok [tidak] basikal la! Masa tu [itu]. Jadi wau yang paknon boleh terlibat dengan wau ni tokwan paknon dulu la. Adik beradik paknon mungkin tak [tidak] terlibat. Adik beradik paknon semua tak [tidak] terlibat _____. paknon tokwan ni [ini] main wau, dia wau ni [ini] nak hayun naik sorang [seorang] tak [tidak] boleh. Dia kene [perlu] ada dua [2] orang, sorang [seorang] pegang tali sorang [seorang] hayun bawak [bawa] naik. Jadi paknon ni [ini] tengok daripada belakang ni tau [tahu], sekolah lagi la masih sekolah lagi. Dia ___, kita mai [mari] tolong hayun wau.
- AA : Maksudnya paknon ni [ini] la yang tolong ___ paknon?
- TT : ___ tahu balik jelakan [sahajalahkan]. Balik rumah tinggai [tinggal] dia ja [sahaja]. Dia nak naik ka terlepasih [terlepas] tali ka terpulang ke dia lakan. ___ tu [itu] paknon terlibat dengan wau, daripada tokwan la
- AA : Zaman kanak-kanak paknon, bolehkah paknon ceritakan sikit lebih mendalam?

- TT : Zaman kanak-kanak ni [ini] paknon duduk kampung ni[ini], banyak [banyak] lagu mana [macam mana] _ _. Kalau balik sekolah naik[panjat] pokok _. Selalunya kalau bulan dua[2] _ kami kanak-kanak dulu, duduk di pokok keriang [jambu arang], keriang [jambu arang] ada buah. Jadi pakat makan buah keriang [jambu arang] yang dekat pokok yang kait. Banyak _ lepastu [lepas itu] kolam. Zaman paknon dulu dengan kolam memang panaih [panas] sikit cari kolam ah. Pakat berenang, berenang lah tu.
- AA : Rasa macam syok [seronok] pulok [pula]
- TT : Seronok la tu. Jadi mai [mari] anak cucu paknon ni [ini] dah takde [tiada] sampai berenang pon tak[tidak] boleh. Ni paknon, kalau orang tau[tahu] laut, sampai ke la [sekarang]. Kalau orang tahu benda laut, dia tak [tidak] kenal pon, memang tak [tidak] kenal, tak [tidak] boleh berenang.
- AA : Kalau macam paknon kata balik sekolah _. Apa paknon buat masa luang paknon?
- TT : Balik sekolah?
- AA : Balik sekolah paknon main ke?
- TT : Balik sekolah main. Baik sekolah petang-petang la baru kita main.
- AA : Paknon biasanya buat apa lepas sekolah?
- TT : Balik dari sekolah kadang-kadang, pukul sepuluh [10] memang kene [harus] pasaipa [sebab] _ _ mok [mak], dia keletuk-keletu [ketuk] pintu. Macam pi [pergi] kat[dekat] dia pon[pun] takpi[pergi] sekolah?. Mai ke anak cucu pun pakat tak [tidak] ngaji [belajar] sekolah. Kita tak tau pa [tidak tahu apa]. Ha

jadi kita takut. Yang tu[itu] kenalah memang kena. Tapi sekolah zaman paknon dulu [dahulu], nak [hendak] cerita kepada anak cucu-cucu paknon ni [ini] dulu depa [mereka] tak[tidak] berapa nak [hendak] masuk ke dalam _ depa [mereka] dalam kepala depa [mereka]. Paknon berjalan kaki daripada kampong ke sekolah padang besaq [besar] selatan dekat kuala perlis, lebih kurang dua [2] batu lebih. Dua [2] batu la tu [itu], Dua [2] batu lebih berjalan kaki. Jalan sawah, bataih-bataih [batas-batas] sawah. Bukan bataih [batas] ataih [atas] tar, bataih [batas] sawah.

- AA : Sejam ke lebih dua [2] jam
- TT : Tak [tidak] sampai dua [2] jam tapi sejamlah biasa berjalan _ __. Jadi bermakna kalau nak [hendak] ke sekolah tu pukui [pukul] lapan [8] pukui [pukul] enam [6] tu [itu] dah [sudah] start [mula] kena jalan dah [sudah]
- AA : Pukul enam [6] sampai pukul lapan [8], masa tu [itu] subuh pukul berapa?
- TT : Masa tu [itu] subuh pukui [pukul] lima [5] lebih. Lepaih [lepas] subuhlah! Lepaih [lepas] tokwan semayang [sembahyang] subuh, kita dah bangkit [bangun] sekali dengan dia. Dia gerak apa sume [semua] dah [sudah] mandi. Habis-habis dia semayang [sembahyang] subuh. kawan-kawan dok panggil. Kawan ni panggil kawan ni, kawan ni panggil kawan ni. Ramai-ramai berjalan. Ramailah! Jalan kaki
- AA : Jalan kaki ramai-ramai?
- TT : Mak pun tak [tidak] hantaq [hantar], ayah tak [tidak] hantaq [hantar] tok pun tak[tidak] hantaq [hantar] zaman paknon dulu. Tapi mai [datang] ke cucu ni

[ini], berhenti kereta depan pintu. Muat cucu muat anak pi [pergi] sekolah.

Tapi depa [mereka] tak [tidak] boleh bayang zaman paknon dulu.

AA : Zaman lain kan?

TT : Lain.

AA : Zaman paknon dulu, apa aktiviti yang paknon banyak terlibat?

TT : Dulu paknon masa zaman dulu, banyak terlibat dengan seni-seni. Kalau orang tua-tua dok buat ni [ini] kebanyakkan _ _. Lepastu [selepas itu] Paknon dengan kraftangan ni bukan setakat buat wau je.

AA : Kira paknon ada buat benda lain la

TT : Betui [betul], banyak-banyak. Kadang-kadang lepaih [selepas] tokwan dulu dia orang seni, dia tanya sangat-sangat, dia kata “Eh hang [kamu] dok tanya aku, aku dok[tengah] buat kerja ni”. Gurau dia la tu [itu], orang tua-tua.

AA : Boleh tak [tidak] paknon ceritakan sikit, zaman dulu dengan zaman sekarang? Keadaan masa paknon membesar, apa beza dia?

TT : Tapi, beza banyaklah, zaman paknon dengan zaman sekarang memang banyak beza.

AA : Keadaan Perlis zaman dulu zaman la [sekarang] ni [ini]?

TT : Perlis, dulu di Perlis kalau nak pi [pergi] ke kampung paknon nak [mahu] naik kereta kena [perlu mesti] jalan kaki sampai kraftangan _ kereta, tak [tidak] boleh, nak [mahu] masuk kampung takde [tiada] jalan. So [jadi] sekarang ni [ini], semua rumah dalam kampung paknon boleh _ _.

- AA : Tapi kalau _ guna basikal ke? Pergi masuk ke kampung.
- TT : _ _, masa dulu naik basikal. Tapi la [sekarang] ni [ini] basikal dah [sudah] tak [tidak] ___. Paknon pun tak [tidak] pernah naik basikal _ ingat balik dua puluh [20] tahun. Cucu dok mainkan. Paknon tolong tolak. Bagi cucu naik
- AA : _ kehidupan paknon yang dulu [dahulu] apa beza? Kesusahan hidup paknon
- TT : _ _ zaman paknon muda-muda sampai sekarang ni [ini] _ dah tua. Zaman dulu ni [ini] susah. Paknon la, orang lain paknon tak [tidak] tau [tahu] la. Tapi bila mai [datang] zaman paknon buat kerja apa _ _ rasa senang, tak [tidak] susah. Kalau kira zaman masa paknon muda dulu jangan beli kereta, nak[mahu] beli basikal pun payoh [susah] cari duit _ _. Tapi, gula zaman paknon kecil-kecil dulu baru tiga puluh [30] sen baru lima puluh [50] sen sekati, kira kati la. Tapi la [sekarang] gula pun harga _ _. Tapi naik harga duit kita naik, zaman paknon _ _ duit tak [tidak] berapa ada lagi. Bendang setahun sekali. Paknon duduk dalam sawah. _ _ _ _ . Jadi sawah setahun sekali ni [ini] _ enam [6] bulan tujuh [7] bulan baru nak [hendak] dapat hasil _ _ . Tapi sekarang ni, boleh setahun dua [2] kali. Bermakna empat [4] bulan dah boleh dapat hasil.
- AA : Kenangan yang paknon tak boleh lupakan masa kanak-kanak?
- TT : _ _ _ _ , tapi kira dan la _ _ sikit-sikit. Paknon bersuka “swimming” [berenang]. Kolam! Tokwan ___. Paknon memang tokwan tak [tidak] bagi, dia tak [tidak] bagi main kolam takut, takutlah main kolam ni [ini]. _ kolam dalam ni [ini] takut. _
- AA : Tapi macam syok [seronok] _ _

- TT : Setiap kami boleh berenang, zaman paknon kawan-kawan semua boleh berenang. Bila boleh berenang jadi takde [tiada] apa -
- AA : Dah [sudah] ada lesen berenang. Selain daripada apa yang paknon cerita ada tak [tidak] pegalaman paknon, pengalaman paling menariklah selain yang paknon cerita tadi?
- TT : Cerita bab menarik ni [ini] banyakla banyak. Paknon ___ paknon ni [ini] orang jahat. Pasaipa [kenapa] paknon tak [tidak] kena tahan polis? Jahat paknon polis tak [tidak] kacau paknon, kerajaan pun tak [tidak] kacau paknon tapi jahat. Paknon main musik, macam-macam musik paknon main. Kalau nak [mahu] tahu __ tengoklah gambaq [gambar] paknon __. Paknon main, main __ budaya dua puluh [20] lebih lama dah [sudah], belum ada __, belum ada pejabat __ __ belum. Sebab tu [itu] kata paknon ni jahat. Tapi jahat mana pon dorang tak [tidak] ... jahat tak [tidak] kacau orang. Ni buat-buat wau ni paknon biasa __ di Kelantan. __ paknon __ benci. Orang di sana dia kata dia tak kata paknon orang sini, dia kata orang Kelantan. "Pakcik! Orang Kelantan?" __ bahasa pakcik __ __ kata "Orang Kelantan ke ni [ini]?" takde-takde [bukan-bukan] habaq [beritahu] dia habaq [beritahu] __ __ orang Perlis, orang Perlis. __ __
- AA : Kalau macam __ wau __.
- TT : Paknon dulu memang minat wau. Dulu yang buat corak wau ni [ini] __ __ tokwan la. Tapi bila nk buat corak memang __ ... Tok guru paknon pun orang Kelantan. Banyak __ orang Kelantan.
- AA : __ seni wau __ paknon kanak-kanak ni [ini]

- TT : ____ lima belas [15] enam belas [16]. Kanak-kanak lagi la tu [itu]. ____
- AA : _ empat belas [14] lima belas [15] baru paknon minat buat wau
- TT : Wau tu [itu] umoq [umur] belas-belas, tiga belas [13] empat belas [14] tahun
paknon boleh buat wau dah [sudah]. Corak ni lapan belas [18] tahun.
- AA : Mula-mula paknon minat buat wau ni paknon buat __
- TT : Paknon _ banyak- banyak memang banyak. Dia corak wau ni [ini] dia kene [perlu] tunggu jumaat. Dia tak [tidak] boleh lukis [sambil menunjukkan wau di belakang beliau] wau ni [ini], kita lukis patung-patung _ ni semua ni [ini].
Ukir ni [ini] dia mesti ada binatang-binatang dalam ni [ini]. Rama-rama ke, lebah ke tak [tidak] boleh sama. __ dia tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok.
- AA : __ ada wau _ dia cam [macam] ada lambang __ .
- TT : _____. Boleh, boleh buat. Tapi kalau ukiran [reka bentuk] yang macam tengah buat ni [ini] corak yang bentuk wau saja [sahaja] ni [ini], dia kena pokok yang menular. Tumbuhan yang menular. Jadi bermakna pokok tu [itu] pokok puluh tak [tidak] buat, macam pokok tepi-tepi jalan, pokok __ jati tepi jalan tak [tidak] boleh __ pokok yang meluar macam pokok labu, pokok kundur ka. Macam dekat Kelantan, pokok ulat bulu yang naik ngulap [melingkar] sana ngulap [melingkar] sini.
- AA : Bukan semua tubuhan la boleh?
- TT : Ha, tak [tidak] semua tumbuhan. Pokok yang menular, kangkung boleh!
Menular sana menular sini. ___. Paknon suka tengok pokok.
- AA : Zaman dulu [dahulu], sambutan seni wau macam mana?

- TT : Kalau kat [dekat] Perlis ni [ini], ramai seni wau, orang Perlis sampai sekaranglah kalau bulan dua [2] ni [ini], hujung bulan dua [2] boleh tengok dekat Perlis, kampung mana _ wau, tapi untuk dimain suka-suka. Pertandingan tu [itu] adalah, jarang-jarang sekalilah. Dia buat adun-adun pulak.
- AA : __
- TT : Tak [tidak], di Perlis hat [di] Perlis. _ setahun sekali. Perlis ni [ini], nanti _, menuai padi, _ padi. Sawah keringlah. Semua kampung pakat main wau. Tapi wau semua kosong. Macam paknon bawak [bawa] yang tadi [sambil menunjukkan ke arah belakang] yang letak kat [dekat] yang kosong, tinggai [tinggal] nak gantung. Takde [tiada] corak.
- AA : Main kosong macam tu jela
- TT : Kosong macam tu [itu] je [sahaja].
- AA : Ingatkan macam main corak lawo-lawo [lawa-lawa]
- TT : Ha tak [tiada], tak [tidak] boleh buat. Orang Perlis tak [tidak] _ boleh. Kalau nak [hendak] ada corak dia kene [perlu] pi [pergi] cari paknon. Yang tak [tidak] boleh tu [itu] bukan pasaipa [sebab apa], depa [mereka] taknak [tidak mahu] belajaq [belajar]. __ yang setengah tu [itu] berumuq [berumur] dari paknon, _ malu pulak [pula] kata nak [hendak] belajaq [belajar] mai [datang]
- AA : Malu nak [hendak] belajaq [belajar]
- TT : Malu nak [hendak] bertanya. Tak [tidak] boleh! Corak ni [ini] kalau kata nak [hendak] tiru saja nak [hendak] buat wau ni [ini]. Paknon pakat kata tak

[tidak] boleh _ _. Tak [tidak] jadi. Nanti bubuh gam hancur habih [habis]. Gam _ gam. Kertas kita potong haluih-haluih [halus-halus], sapu gam, dia berkalih [beralih] sana berkalih [beralih] sini, habis putuih [putus]. Tapi kalau pergi dekat bengkel paknon sana tu [itu]. Bolehlah satgi [sekejap lagi] nak [hendak] tunjuk _ potong macam mana jadi macam tu [itu].

- AA : Selain wau, ada permainan lain yang Paknon minat? Macam gasing ke?
- TT : Gasing paknon minat. Gasing memang paknon dulu main gasing. Boleh kata kita-kita _ _, hantar sampai ke Sarawak, ke Sabah. Wau pun sama. Masa paknon main dulu. _ _ _
- AA : Pastu [selepas itu] nak [hendak] tanya. Apa yang.. siapa paknon _ wau ni?
- TT : Paknon dok buat wau masa tu[itu] paknon dok main wau, bila dok main wau tu, main menang sana menang sini. Lepas tu [itu] kraftangan dia dok ada *agent* [ejen] tuk [untuk] cari paknon. Terus paknon lekat dengan kraftangan. Tiga puluh [30] tahun paknon dengan depa [mereka]. Syukurlah Alhamdulillah lah rezeki paknon dulu di kraftangan. Bukan kata pakno yang mintak [minta] tau, kraftangan cari paknon. Bila kraftangan cari paknon, paknon kena itulah. Jadi syukur Alhamdulillah lah rezeki paknon. Dulu paknon dok main *event* [pertandingan]. Bertanding sana, bertanding sini ni [ini], tak [tidak] boleh nak [hendak] jadi macam mana pun.
- AA : Macam letih juga, nak [hendak] pergi sana pergi sini.
- TT : Letih tu [itu] memang letih la. Tapi takde [tiada] masalah. Tiga [3] haribulan, paknon turun KL [Kuala Lumpur] lah, _ Hari Kraf Kebangsaan.

- AA : Oh, __
- TT : __ selang seminggu. Tapi, paknon buat demolah bukan ____.
- AA : Bukan macam paknon macam wau tu [itu] ada pertandingan ke apa ke?
- TT : Dak [tidak]. Buat demo, __ bagi orang __, budak-budak nak [hendak] belajaq [belajar] ke __ ke pelancong ke kalau dia nak [hendak] cuba, kita bagi cuba.
- AA : Tapi paknon bawak ke yang sample [contoh].
- TT : Simple-simple [mudah-mudah]. Tapi tu [itu] di kraftangan di KL [Kuala Lumpur] ni [ini] __ beratus wau dalam muzium. Biasa pergi muzium kraftangan.
- AA : Kami [saya] pernah pergi muzium Kelantan, yang Kedah punya ni [ini] tak [tidak] jejak kaki lagi.
- TT : Kalau nak [hendak] tengok wau ni [ini], wau __ tadi yang banyak. Di muzium kraftangan tu [itu] di Kuala Lumpur. Kalau yang nak [hendak] tengok wau ni [ini], hat di negeri mana banyak, pergi dekat Pasir Gudang. Dekat Pasir Gudang ada muzium wau dia buat.
- AA : Apatu [apa itu] wau paknon ada lagi dekat situ la
- TT : Kat [ddekat] Pasir Gudang memang ada di Pasir Gudang. Di Pasir Gudang ni paknon biasa main dengan Tuanku wau, arwah ___. __ main dengan Sultan Johor. Sultan Johor ni memang baguih [bagus]
- AA : __ dia ada masa main dengan paknon.
- TT : Bukan ada masa macam mana! Dia dulu perasmian pertandingan layang-layang antarabangsa. Lepastu [selepas itu], dia buat perasmian. Bila nak

[hendak] buat perasmian dia, _____. Dia pakat kenai [kenal] paknon. _____. di Pasir Gudang paknon boleh buat la. __ buat. ____ jadi paknon nak [hendak] kena pikiaq [fikir] dua [2] tiga [3] kali dengan _ sahaja ni pun takut. Takut. Masalah banyak, masalah. Kalau luh lambung wau pun tak [tidak] naik. Kalau Raja lain paknon cakap “Jubo [rendah] je saya nasihat dia lepah [lepas]”. Betul. Memang Sultan Johor dia takut. Paknon pergi Sultan Johor dah [sudah] nak [hendak] buat wau, tu pun paknon tak [tidak] boleh, semalam... paknon tak [tidak] boleh lena. Dia selesa _____. Risau, risau. Memang takut sangat. Allah permudahkan _ Allah tunjukkan. Pasai [pasal] hat paknon tak [tidak] boleh __ buat wau _ corak ni [ni] _. Ni [ini] corak _ ni [ini] Lada hitam ni [ini], motif Lada Hitam, dan menjalar, pokok lada. [sambil menunjukkan ke arah wau di belakang beliau]. Paknon ni [ini] sebenarnya [sebenarnya] dulu _____. Pasai [pasal] selalu buat _ kacang.

- AA : Maksudnya paknon buat kali pertamalah?
- TT : Kira Lada Hitam ni [ini] kali pertama yang buat dekat logo baru boleh buat dekat _____. paknon tengok. Pokok lada takdok [tiada] di Perlis ni [ini] macam mana pokok daun dia. Lepastu, boleh ke situlah. Tapi Alhamdulillah selamat dah [sudah] apa benda buat, dua [2] tahun _____. paknon buat wau _ kesenian. _ takdok [tiada] masalahlah. Lepastu [selepas itu], rezeki pun _____, Alhamdulillah. Lepastu [selepas itu], anugerah pun orang bagi sikit, tak [tidak] banyak pun orang bagi jugak [juga]. Alhamdulillah.
- AA : Tadi kita tanya paknon apa tu... Kiranya seni wau ni [ini] dah sebat dalam diri paknon lah?

TT : Kira-kira macamtu [macam itu/seperi itu].

BAHAGIAN C: KERJAYA DAN SENI

AA : Sekarang kita tanya _ kita _ pasal kerjaya. Sebelum paknon buat keputusan nak [hendak] bergiat dala bidang seni wau ni [ini] kan, paknon ada buat apa-apa tak [tidak] sebelum tu [itu]?

TT : ---

AA : Buat macam pekerjaan lain ke? Sebelum buat wau ni [ini].

TT : Paknon kalau dekat kampung ni [ini] sawah. Tapi Paknon buat sawah bukan paknon buat, paknon upah. Sekarangkan ada mesin _, semua lesen nak [hendak] buat , semua _, _, baja ada __ apa semua. Upahlah. Upah, semua upah.

AA : Berapa lama dah paknon buat wau ni [ini]?

TT : Kalau nak [hendak] kira-kira enam puluh [60] tahun dah [sudah].

AA : Dekat enam puluh [60] tahun

TT : Yelah paknon umur belas tahun dah [sudah] mula buat wau. Yang mulalah belas-belas tahun. Sekarang dah tujuh puluh enam [76] tahun dah [sudah]. _ dikali-kali dah [sudah] enam puluh [60] tahun, lebih dah [sudah]. Tu [itu] kata dekat anak-anak “Jom buat wau”.

AA : Bila paknon tergerak hati nak [hendak] bua wau ni [ini]

TT : Tergerak ni [ini], Allah yang tentukan. Nak [hendak] belajaq [belajar] kita belajaq [belajar] lah dengan tokwan buluh tu [itu] macam manakan? Tapi kita nak [hendak] lentur buluh kita ke dalam _ _.

AA : Masa paknon mula-mula belajar seni wau ni [ini], susah dak [tidak]?

- TT : Memang susah. Kalau, baru dok [tengah] belajaq [belajar] bab lukis saja [sahaja], tak [tidak] jadi. ___, amik [ambil] kertas kosong.
- AA : Paknon amik [ambil] kertas kosong toreh-toreh.

LAMPIRAN

DIARI KAJIAN

| TARIKH | MASA | TINDAKAN | CATATAN |
|-----------------|-------------|--|---|
| 12 Oktober 2021 | 4:00 petang | Tetapan tema tokoh seni & warisan | Menyenaraikan nama tokoh yang menepati tema. |
| | 9:30 malam | Perbincangan kertas kerja | |
| 13 Oktober 2021 | 8:00 malam | Pembahagian tugas | |
| | 9:30 malam | Pencarian tokoh seni & warisan | |
| 26 Januari 2022 | 2:15 petang | Aturan janji temu bagi sesi temu bual bersama tokoh (Paknon) | |
| 31 Januari 2022 | 8:45 pagi | Bertolak ke Pusat Kraftangan Malaysia cawangan Perlis | |
| | 10:00 pagi | Pertemuan bersama Paknon | Sebelum sesi temu bual bermula, Paknon telah diberitahu akan jenis – jenis soalan yang akan ditanya sewaktu temu bual berlangsung |
| | 10:30 pagi | Sesi temu bual bermula | Sesi temu bual dilakukan di dalam muzium pameran tertutup dengan latar belakang koleksi wau yang pernah disumbangkan Paknon kepada Jabatan Kraftangan Malaysia cawangan Perlis. |

| | | | |
|-----------------|-------------------|---|--|
| | 11:45 pagi | Sesi temu bual berhenti seketika bagi memberi laluan untuk berpindah lokasi | Lokasi berpindah ke bengkel kraftangan Paknon di Kampung Tok Kaya, Kayang, Perlis. |
| | 12:20 tengah hari | Sesi temu bual bersambung. | Latar belakang temu bual diiringi dengan beberapa koleksi wau tradisional yang telah ditempah untuk kegunaan persembahan. |
| | 1:30 tengah hari | Sesi temu bual berhenti seketika bagi memberi laluan kepada azan zuhur | Sewaktu berehat seketika, Paknon telah menunjukkan beberapa koleksi anugerah yang pernah dimenangi Paknon, ini termasuklah anugerah pertandingan gasing. |
| | 2:00 petang | Sesi temu bual bersambung. | |
| | 2:50 petang | Sesi temu bual tamat. | Temu bual tamat dengan sesi bergambar bersama Paknon. |
| 1 Februari 2022 | 9:00 pagi | Sesi temu bual kali kedua berlangsung | Sesi temu bual kedua dilakukan kerana terdapat kesulitan yang dialami daripada rakaman temu bual. |
| | 9.45 pagi | Sesi temu bual tamat | |

SENARAI SOALAN

PENGENALAN:

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Berikut adalah sesi temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh seni. Bersama dengan kami ialah Saman bin Mat atau lebih dikenali sebagai Paknon, tokoh seni wau dari negeri Perlis. Rakaman ini dijalankan pada **31 Januari 2022** di Pusat Kraftangan Malaysia cawangan Perlis. Sesi temu bual ini dikendalikan oleh Amratul Azizah binti Hayazelee dan Wan Edzzuddin Najmi.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

- 1) Bolehkan Paknon perkenalkan sedikit mengenai diri paknon?
- 2) Berapa umur Paknon pada tahun ini?
- 3) Tarikh bilakah Paknon lahir?
- 4) Dimanakah Paknon lahir dan dibesarkan?
- 5) Siapakah ibu bapa Paknon?
- 6) Apakah pekerjaan ibu bapa Paknon?
- 7) Boleh ceritakan sedikit tentang adik beradik Paknon?
- 8) Adakah Paknon mempunyai adik beradik? Jika ada, Paknon adalah anak ke berapa daripada jumlah keseluruhan adik beradik?
- 9) Boleh ceritakan serba sedikit tentang adik beradik Paknon?
- 10) Bagaimana dengan hubungan Paknon dengan keluarga Paknon?
- 11) Adakah paknon sudah berkahwin?
- 12) Bilakah Paknon berkahwin dan siapakah nama isteri Encik Romli?
- 13) Hasil perkahwinan tersebut, adakah Paknon bersama isteri dikurniakan cahaya mata?
- 14) Adakah anak kepada paknon sudah mendirikan rumah tangga?
- 15) Bagaimanakah dengan cucu? Adakah Paknon dikurniakan cucu?

BAHAGIAN B: ZAMAN KANAK KANAK

- 16) Boleh Paknon berkongsi sedikit tentang sejarah pendidikan Paknon di zaman sekolah?
- 17) Bagaimana dengan zaman kanak – kanak Paknon? Boleh ceritakan sedikit?
- 18) Apa yang Paknon akan buat dalam ruang masa Paknon masa zaman kanak – kanak?

- 19) Ada mana – mana aktiviti zaman kanak kanak Paknon yang banyak terlibat?
- 20) Boleh ceritakan sedikit keadaan zaman kanak – kanak Paknon? Contohnya keadaan Perlis semasa Paknon masih membesar.
- 21) Apa beza zaman Paknon membesar dengan zaman sekarang?
- 22) Susah ke kehidupan zaman dahulu berbanding zaman sekarang?
- 23) Ada tak pengalaman Paknon yang menarik sewaktu membesar?
- 24) Apakah kenangan yang Paknon tak boleh lupakan sebagai kanak – kanak?
- 25) Selain wau, ada permainan tradisi lain yang Paknon minat?
- 26) Adakah seni wau telah sebat dengan Paknon sejak kecil ataupun semasa Paknon dah dewasa?
- 27) Apakah yang mengerakkan hati Paknon untuk mempelajari seni wau?
- 28) Bagaimanakah sambutan seni wau ini pada waktu itu?

BAHAGIAN C: KERJAYA DAN SENI

- 29) Sebelum membuat keputusan untuk bergiat dalam dunia pembuatan wau tradisional, kerja apa yang Paknon buat?
- 30) Sudah berapa lamakan Paknon bergiat aktif membuat wau?
- 31) Kenapa Paknon tergerak hati mahu belajar menghasilkan wau?
- 32) Kenapa Kelantan menjadi pilihan Paknon bagi mempelajari seni pembuatan wau?
- 33) Apa yang Paknon pelajari dahulu sewaktu menuntut ilmu dengan guru Paknon?
- 34) Dengan siapakah Paknon mula – mula belajar menghasilkan kraftangan wau?
- 35) Boleh Paknon ceritakan sedikit tentang adiguru wau yang Paknon belajar daripada?
- 36) Apa yang Paknon kagum tentang guru Paknon?
- 37) Adakah guru Paknon juga tokoh yang Paknon paling hormat atas ilmu dia?
- 38) Adakah minat semata – mata yang menyebabkan Paknon sanggup berulang alik bagi menuntut ilmu?
- 39) Adakah Paknon rasa puas dengan apa yang Paknon lakukan sekarang ini?
- 40) Boleh Paknon ceritakan sedikit tentang seni pembuatan wau tradisional?
- 41) Bagaimanakah proses pembuatan wau bermula?
- 42) Apakah peralatan penting yang digunakan dalam proses pembuatan wau tradisional?
- 43) Pada pandangan Paknon, apa yang menentukan wau yang telah siap itu berkualiti tinggi? Adakah bahan sahaja?

- 44) Memandangkan Paknon dah bercakap tentang buluh, ada jenis buluh lain tak yang boleh digunakan dalam proses pembuatan wau?
- 45) Apakah prinsip Paknon sebagai seorang adiguru kraftangan wau tradisional?
- 46) Paknon ada pembantu yang menolong Paknon semasa proses penghasilan wau tradisional?
- 47) Bagi Paknon, apakah jenis wau yang paling Paknon gemari (suka membuat).
- 48) Corak wau apa yang Paknon paling gemari?
- 49) Bagaimanakah Paknon tentukan motif apa yang sesuai untuk dibuat atas wau?
- 50) Adakah proses untuk menghasilkan corak atas wau senang?
- 51) Pada pendapat Paknon, corak apa yang sesuai untuk dijadikan motif atas wau?
- 52) Pada pengalaman Paknon, proses apakah yang paling susah dalam pembuatan wau tradisional?
- 53) Bagaimana pula dengan tempoh masa untuk menyiapkan wau tradisional tersebut?
Adakah masa diambil lama?
- 54) Berapa banyak permintaan yang Paknon sudah siapkan?
- 55) Berapa banyak Paknon caj untuk setiap pembuatan wau?
- 56) Ada nama – nama besar yang pernah mendapat khidmat pembuatan wau tradisional daripada Paknon?
- 57) Apakah hasil kraftangan wau yang Paknon paling bangga?
- 58) Bagaimana pula dengan pengalaman manis? Pernahkah Paknon menghasilkan wau tradisional untuk dipersembahkan kepada kerabat diraja atau tokoh lain?
- 59) Sepanjang menghasilkan wau tradisional, apakah cabaran yang Paknon hadapi sepanjang masa?
- 60) Adakah Paknon mempunyai anak murid yang akan mewarisi seni pembuatan wau daripada Paknon?
- 61) Berapa banyak anak murid Paknon sekarang?
- 62) Pernahkan Paknon membuat bengkel pembuatan wau tradisional di luar Perlis?
- 63) Adakah Paknon ada berfikir untuk bersara dan menyerahkan seni pembuatan wau kepada anak murid Paknon?
- 64) Jika diberikan kesempatan dan panjang umur, ada tak antara seni lain yang Paknon berminat untuk belajar?
- 65) Andai kata Paknon bukan seorang penggiat seni kraftangan wau tradisional, apa yang Paknon akan lakukan sekarang?
- 66) Sepanjang bergiat aktif dalam pembuatan wau, ada tak penyesalan yang Paknon rasa?

67) Boleh Paknon tunjukkan sedikit contoh proses membuat wau tradisional?

BAHAGIAN D: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

68) Pada tahun bilakan Paknon menerima pengisytiharan sebagai tokoh adiguru seni wau tradisional?

69) Pada tahun bilakah anugerah pertama paknon terima dalam seni wau ini?

70) Adakah pencapaian paknon hanya di dalam negara sahaja?

71) Dimanakah (di luar negara) tempat paling terbaik persaingan seni ini? Jika ada

72) Apa yang telah melayakkan Paknon untuk menerima anugerah berprestij itu?

73) Bagaimana pula dengan persaingan semasa penerimaan anugerah itu?

74) Selain penerimaan anugerah tokoh seni wau tradisional, ada berapa banyak anugerah yang telah Paknon terima selama 50 tahun berkecimpung dalam dunia seni ini?

75) Selain trofi dan sijil, ada hadiah lain yang telah Paknon telah terima?

76) Boleh Paknon ceritakan tentang anugerah terawal yang Paknon telah terima?

77) Bagaimana pula anugerah yang telah Paknon terima baru – baru ini?

78) Bagi Paknon, anugerah manakah yang mendapat perhatian?

79) Dengan pengalaman Paknon, pernahkah Paknon menjadi pengadil/juri bagi pertandingan wau tradisional?

80) Bagi Paknon, bagaimana penjurian wau tradisional dilakukan?

81) Adakah Paknon mendapat anugerah daripada luar Malaysia?

82) Boleh Paknon kongsikan sedikit pengalaman sewaktu menerima pelbagai anugerah?

83) Apakah anugerah paling berprestij yang telah membanggakan Paknon?

84) Bolehkan Paknon berkongsi cerita tentang anugerah berprestij tersebut? (Sebut nama anugerah itu).

85) Berapa banyak anggota atau badan persatuan yang telah Paknon terima anugerah daripada mereka?

BAHAGIAN E: SUMBANGAN

86) Boleh Paknon ceritakan sedikit sumbangan lain yang Paknon telah lakukan bagi memartabatkan seni dan warisan wau tradisional?

87) Apakah sumbangan terbesar paknon untuk negara dalam seni pebuatan wau ini?

88) Apakah sumbangan paling terbaik yang paling diingati paknon sendiri?

- 89) Pada pendapat Paknon, adakah masyarakat sekarang kurang menghargai seni wau tradisional?
- 90) Apakah yang Paknon telah sumbangkan kepada Pusat Kebudayaan Malaysia cawangan Perlis ini?
- 91) Adakah Paknon telah sumbangkan kepakaran Paknon kepada jabatan lain selain Pusat Kraftangan?

BAHAGIAN F: HARAPAN DAN NASIHAT

Sekarang kita sudah sampai ke penghujung temu bual kita pada hari ini. Terima kasih Paknon atas kesudian Paknon meluangkan masa bersama kami. Sebelum kita mengakhiri masa kita bersama, saya ada beberapa soalan terakhir sekiranya Paknon masih lagi sudi menjawab.

- 92) Sebagai adiguru wau, apa nasihat yang Paknon boleh berikan tentang seni wau yang makin ditelan zaman?
- 93) Apakah harapan terbaik paknon terhadap generasi muda mengenai seni wau ini?
- 94) Bagaimana keadaan paknon pada waktu-waktu pandemik? Adakah paknon masih dapat terus bekarya?
- 95) Apakah Paknon fikirkan yang boleh memotivasi anak muda kita dalam memartabatkan warisan di Malaysia, khususnya seni wau?
- 96) Pada pendapat Paknon, adakah seni ini akan hilang begitu sahaja tanpa pewaris muda?
- 97) Apakah pesanan Paknon kepada generasi muda sekarang?
- 98) Adakah kata-kata semangat bagi penggiat seni terutama seni pembuatan wau untuk terus bersemangat dalam bekarya dalam bidang ini?
- 99) Beberapa nasihat daripada paknon kepada yang baru berminat untuk berkecimpung dalam bidang ini?
- 100) Kata- kata akhir paknon untuk semua masyarakat agar karya seni ukiran wau ini terus kekal menjadi tradisi?

PENUTUP

Dengan ini berakhir sudah temu bual kita bersama adiguru wau tradisional, Paknon pada hari ini. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Paknon atas keluangan masa yang Paknon sudi berikan kepada kami dalam menyempurnakan wawancara ini. Diharapkan perkongsian Paknon tentang seni wau tradisional dapat memberikan manfaat yang sememangnya bermakna kepada masyarakat kita, terutamanya generasi muda pada masa kini. Sekian, terima kasih.

GAMBAR



(Sesi bergambar bersama paknon di Galeri Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera, Perlis)



(Paknon mengangkat antara Wau buatan beliau)



(Sijil penglibatan Paknon dalam kesenian wau)



(Anugerah-anugerah yang diterima oleh Paknon)



(Bukti penglibatan Paknon dalam pembuat wau di dalam dan di luar Negara)



(Wau untuk pameran di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perlis)



(Paknon di bengkel pembuatan Wau di rumah beliau)



